

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SUNGAI
MANILA, JALAN LABUK, SANDAKAN, SABAH**

01/03/2014

SUNGAI MANILA, JALAN LABUK, SANDAKAN, SABAH

YAB Datuk Seri Panglima Haji Musa Bin Haji Aman Ketua Menteri Sabah; YB Datuk Abdul Rahman Dahlan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Mohd. Noor Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah; YBhg. Datuk Yong Bun Fou Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datoâ Abu Bakar Bin Hassan Setiausaha Persekutuan Sabah; YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Bin Ghazali Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk Matius Bin Sator Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah; YB Datuk Liew Vui Keong Ahli Parlimen Sandakan; Ahli-ahli Yang Berhormat; Dif-Dif Kehormat; Pihak media massa; Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia, 1. Bersyukur kita ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita berhimpun pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Manila, Jalan Labuk, Sandakan, Sabah. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Musa Bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah sudi menjemput saya bagi menyempurnakan majlis pada petang ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah sudi hadir pada petang ini, khususnya kepada warga Sandakan, Sabah. 2. Sebagaimana yang kita ketahui, kemudahan perumahan merupakan elemen penting dalam menjayakan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju pada Tahun 2020 nanti. Sehubungan dengan itu, penyediaan kemudahan perumahan yang baik kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukannya merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. 3. Justeru itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Matlamatnya adalah tidak lain dan tidak bukan, ialah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyat di setiap pelusuk negara dengan memastikan tiada seorang pun tertinggal daripada menikmati kepesatan arus

pembangunan negara. Hadirin yang dihormati sekalian, 4. Pembangunan negara akan menjadi lebih bermakna sekiranya kita berjaya mengagihkan kemakmuran negara secara saksama. Pembangunan kemudahan perumahan yang baik adalah salah satu daripada pendekatan ke arah mencapai matlamat untuk mensejahterakan rakyat. Harapan kita, agar rakyat dapat menjalani kehidupan seharian mereka dalam persekitaran perumahan yang harmoni serta kondusif. 5. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah melancarkan Dasar Perumahan Negara bagi mengurus dan menyelaras perancangan dan pembangunan kemudahan perumahan ini ke tahap yang lebih efisien dan sistematik. Tujuan utama dasar ini digubal adalah untuk mewujudkan sistem kemudahan perumahan yang lebih cekap dan berdaya saing serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui dasar ini, pendekatan yang komprehensif telah diperkenalkan untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah yang dibina oleh sektor awam dan swasta. Hadirin sekalian, 6. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan RM5.46 billion bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) ini di seluruh negara yang melibatkan 98 projek siap yang telah memberi manfaat kepada 72,076 orang rakyat di seluruh negara. Kerajaan Persekutuan komited untuk terus menyediakan kemudahan seperti ini pada masa-masa akan datang. 7. Pada masa yang sama, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1 juta rumah mampu milik sehingga penghujung tahun 2017. Pihak Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan membina sejumlah 500,000 unit rumah mampu milik manakala baki 500,000 unit rumah lagi akan dibina oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan pemaju-pemaju perumahan swasta. Di samping itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Skim MyHome sebagai insentif atau galakan kepada pemaju swasta untuk bersama-sama dengan pihak Kerajaan dalam membina rumah-rumah mampu milik di seluruh negara. Skim ini saya difahamkan akan dilancarkan dalam masa terdekat ini (iaitu pada 1 April 2014). Saya berharap pemaju-pemaju swasta di Sabah juga akan mengambil bahagian dalam skim ini bagi menyediakan lebih banyak rumah mampu milik untuk rakyat di negeri Sabah. Hadirin sekalian, 8. Saya dimaklumkan bahawa Projek PPR Sungai Manila ini melibatkan pembinaan sebanyak 1,000 unit rumah dengan kos projek bernilai RM121.7 juta. PPR ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, tempat letak kereta, surau, unit kedai dan sebagainya. PPR ini secara langsung akan memberikan kemudahan perumahan kepada rakyat di kawasan Sandakan khususnya dan negeri Sabah amnya. Projek ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berusaha dalam menyediakan kemudahan perumahan yang terbaik untuk setiap lapisan masyarakat di negara ini terutamanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Hadirin sekalian, 9. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan

Negeri Sabah yang telah menyediakan tapak di lokasi yang strategik sehingga terlaksananya pembinaan projek PPR Sungai Manila ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan projek PPR ini. 10. Sukacita saya juga dimaklumkan, bahawa Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk membina 5,000 unit lagi rumah PPR di negeri Sabah. PPR yang dimaksudkan itu ialah: i. PPR Kepayan Ridge, Kota Kinabalu 500 unit; ii. PPR Tawau 500 unit; iii. PPR Kota Belud 1000 unit; iv. PPR Kudat 500 unit; v. PPR Lahad Datu 500 unit; vi. PPR Kg Kampar, Kota Marudu, Kudat 500 unit; vii. PPR Sandakan 1000 unit; dan viii. PPR Kg Gayang, Tuaran, Sabah 500 unit. 11. Di samping itu juga, saya ingin menasihatkan kepada bakal-bakal penerima kemudahan perumahan PPR ini supaya bersama-sama menghargai dan menjaga segala kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan ini dengan sebaik-baiknya agar kemudahan yang disediakan dapat digunakan dengan baik untuk tempoh jangka waktu yang lama. Saya juga berharap agar penduduk-penduduk perumahan PPR ini akan sentiasa menjaga keharmonian di kawasan PPR ini. 12. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Majlis Penyerahan Projek PPR Sungai Manila pada petang ini. Harapan saya, semoga projek PPR ini akan dimanfaatkan oleh bakal-bakal penerima dengan sebaik-baiknya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.